

# 27 PAMERAN SEMINAR BAHASA MELAYU 2013

## PAMERAN BERKAITAN PROGRAM BAHASA

### Kios 1

**Tajuk:** Perkhemahan Bahasa dan Budaya

**Nama Sekolah:** Sekolah Rendah Admiralty

**Sinopsis:** Mempamerkan tema wayang kulit yang digunakan sewaktu Perkhemahan Bahasa dan Budaya 2013. Murid-murid telah didedahkan kepada sejarah dan seni wayang kulit. Murid-murid berpeluang membuat patung dan menulis skrip. Nilai budaya turut disemai dalam aktiviti menulis skrip. Murid-murid membuat persembahan dengan menggunakan skrip dan patung yang telah dicipta sebagai aktiviti kemuncak dalam perkhemahan itu. Dalam proses yang dilalui ini, murid-murid bekerjasama demi mencapai objektif mereka.

### Kios 2

**Tajuk:** Dwiminggu Bahasa @TPS

**Nama Sekolah:** Sekolah Rendah Tampines

**Sinopsis:** Sekolah Rendah Tampines menganjurkan Minggu Dwibahasa dari 11 hingga 22 Mac 2013. Tujuan utama aktiviti tersebut dianjurkan adalah untuk mewujudkan suasana yang bersesuaian bagi murid mempelajari dan menggunakan Bahasa Melayu di dalam dan juga luar bilik darjah. Selain itu, aktiviti ini juga mahu memastikan murid dapat mempelajari dan menghargai budaya serta amalan-amalan budaya masyarakat. Melalui aktiviti berperingkat dan penyerapan teknologi matlummat, murid diberikan peluang untuk menggunakan Bahasa Ibunda dan mengalami sendiri aspek budaya tersebut dalam suasana yang berkesan.



### Kios 3

**Tajuk:** Audioblog@WDP

**Nama Sekolah:** Sekolah Rendah Woodlands

**Sinopsis:** Audioblog @ WDP telah dimulakan oleh jabatan Bahasa Ibunda pada tahun 2007 dan kemudian diikuti pula oleh Jabatan Bahasa Inggeris pada tahun 2011. Semua murid P5 dan P6 terlibat dalam program ini. Murid-murid akan merakam bacaan, penerangan berdasarkan gambar dan perbualan berkaitan dengan gambar ke dalam alat pemain MP3 yang dipinjamkan kepada setiap seorang daripada mereka. Kemudian, murid-murid akan menaikkan rakaman mereka ke dalam blog mereka di portal McOnline. Rakaman mereka akan dinilai oleh guru-guru dan rakan-rakan dengan menggunakan rubrik yang disediakan. Kaedah pembelajaran sendiri ini membantu murid-murid menjadi lebih yakin semasa membuat latihan lisan dan mendengar sendiri cara mereka bertutur. Setelah mendengar persembahan sendiri dan penilaian oleh rakan, murid-murid akan memperbaiki persembahan mereka dan ini akan meningkatkan keyakinan mereka dalam penilaian lisan.

### Kios 4

**Tajuk:** Program Penyerapan @Anderson

**Nama Sekolah:** Sekolah Menengah Anderson

**Sinopsis:** Pameran ini tertumpu pada program penyerapan yang dijalankan setiap tahun di Sekolah Menengah Anderson. Penerapan ELC (Kitaran Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman) dalam program penyerapan para pelajar menyediakan satu platform yang autentik dan kaya bagi mereka untuk melibatkan diri secara aktif dalam kajian yang sistematik untuk meraih pengalaman yang unik, autentik dan bermakna. Para pelajar melalui satu proses pembelajaran berdasarkan pengalaman mereka semasa lawatan ke luar negara. Melalui proses tersebut, para pelajar berupaya untuk menghargai keadaan kehidupan mereka di Singapura di samping memberi mereka peluang untuk menyarankan pembaikan yang boleh dilakukan di Singapura. Proses ini berdasarkan teori Kolb yang mendefinisikan belajar sebagai proses di mana pengetahuan diciptakan melalui transformasi pengalaman.



## Kios 5

**Tajuk:** Penerapan C2015 dalam Program Dwiminggu Bahasa

**Nama Sekolah:** Sekolah Menengah Sembawang

**Sinopsis:** Program Dwiminggu Bahasa bertujuan untuk menyediakan para pelajar dengan Kemahiran Abad ke-21 dan mencapai Hasil Pendidikan Yang Diingini (DOE). Program Dwiminggu Bahasa Ibunda Sekolah Menengah Sembawang menawarkan dua aktiviti utama:

1. Mereka Poster (Men 1 & 2)

Memandangkan bidang tukikan sekolah ini ialah Literasi Media, aktiviti Mereka Poster berfungsi sebagai platform untuk para pelajar mereka dan mempamerkan poster dalam sebarang bentuk media.

2. Seronok Bicara (Men 3)

Aktiviti Seronok Bicara bertemakan nilai-nilai sekolah iaitu ExCITe (Kecemerlangan, Iltizam, Kejujuran, Kerja Berpasukan dan Keihlanan). Pelajar membuat pilihan mengenai nilai-nilai sekolah yang akan dibentangkan di dalam bentuk klip video serta menjelaskan mengapa nilai-nilai itu penting pada diri mereka.



## PAMERAN BERKAITAN DENGAN PENILAIAN

### Kios 6

**Tajuk:** Penilaian Formatif @ Fuhua

**Nama Sekolah:** Sekolah Rendah Fuhua

**Sinopsis:** Melalui portal 10'M , guru dapat menyediakan rubrik untuk menilai bacaan murid dan sekaligus menaikmuatkan audio bacaan contoh sama ada oleh guru atau murid untuk dijadikan sebagai contohan buat ibu bapa dan murid dengar sebelum penilaian dijalankan. Penilaian rakan sebaya juga dijalankan. Maka portal ini juga menjimatkan masa kerana murid-murid boleh membaca serentak dan boleh mendapatkan maklum balas daripada guru, rakan-rakan dan ibu bapa.

### Kios 7

**Tajuk:** Our **(H)**appening **(A)**dventure

**Nama Sekolah:** Sekolah Rendah Woodlands Ring

**Sinopsis:** Perjalanan HA WRPS dipamerkan, termasuk permulaan, kejayaan dan perkara-perkara yang boleh diperbaiki. Guru-guru berbincang dan memilih secara terperinci bahan yang paling sesuai untuk aktiviti murid. Bahan-bahan seperti rubrik, hasil kerja murid dan juga maklum balas oleh ibu bapa tentang aktiviti yang diadakan semasa HA turut dipamerkan. Ibu bapa diundang untuk sama-sama melalui perjalanan anak-anak mereka dalam HA. Murid-murid melalui aktiviti unjuk ujar dan menilai persembahan rakan dalam suasana yang tidak terancam. Gambar-gambar yang menunjukkan murid sedang beraksi dipamerkan.

### Kios 8

**Tajuk:** Penilaian Alternatif @ CHIJ KC

**Nama Sekolah:** Sekolah Menengah CHIJ Katong

**Sinopsis:** Sepanjang 2 tahun ini, Unit Bahasa Melayu Sekolah Menengah CHIJ Katong Convent telah mengadakan beberapa program dalam usahanya untuk memperkenalkan penilaian alternatif untuk pembelajaran Bahasa Melayu. Program-program ini termasuk lawatan sambil belajar, Drama dalam Kurikulum dan penggunaan aplikasi ICT seperti Wetoku, Calemeo, OneNote dan Edmodo. Melalui program-program ini, para pelajar dapat mempelajari Bahasa Melayu dalam suasana autentik dan interaktif.



## PAMERAN BERKAITAN DENGAN ICT

### Kios 9

**Tajuk:** ICT @ Pei Hwa

**Nama Sekolah:** Sekolah Menengah Pei Hwa

**Sinopsis:** Unit Bahasa Melayu Sekolah Menengah Pei Hwa telah menggunakan pelbagai alat dalam talian dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Tujuh pelajar akan mengendalikan pameran, setiap seorang pelajar menjadi pakar bagi satu alat ICT yang pernah digunakan dalam pembelajaran bahasa Melayu. Beberapa contoh tugas pelajar akan dipamerkan untuk memberikan gambaran kepada pengunjung bagaimana alat ICT ini digunakan di dalam bilik darjah. Maklum balas pelajar akan dikongsi bersama. Arahan dalam bentuk *manual* akan diberikan kepada pengunjung yang berminat untuk cuba menggunakan alatan ICT yang ada.

### Kios 10

**Tajuk:** Dunia Siber @ WGS

**Nama Sekolah:** Sekolah Menengah Woodgrove

**Sinopsis:** Kepelbagaian penggunaan peralatan ICT sangat digalakkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di Sekolah Menengah Woodgrove. Kami percaya bahawa dengan memberikan peluang kepada para pelajar untuk mempelajari dan meneroka penggunaan bahan-bahan ICT ini dan menerapkannya dalam pengajaran bahasa Melayu dapat membantu pelajar menguasai kemahiran yang diperlukan bagi penggunaan ICT di masa hadapan. Penggunaan ICT juga dapat meningkatkan minat dan menambah nilai pengetahuan pelajar. Penerokaan perisian-perisian ICT seperti Toondoo, Glogster, QR Code dan banyak lagi telah berjaya membantu pelajar untuk tidak hanya lebih terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran tetapi juga memberi mereka peluang untuk menjadi pemikir yang kreatif dan kritis.

